

## **SKIM AL-RAHN - ANTARA KEASLIAN DAN PENYELESAIAN SEMASA MENURUT PERUNDANGAN ISLAM**

**Asmadi Mohamed Naim**  
*Sekolah Pembangunan Sosial*  
*Universiti Utara Malaysia*

*Sesuatu yang sukar dinafikan dalam dunia kewangan moden ialah kewangan Islam dibentuk dalam dunia kewangan konvensional yang menekankan bahawa wang dapat melahirkan wang tanpa perlu menanggung risiko perniagaan seperti jual beli. Untuk menyusuri arus tersebut, para sarjana Islam berdepan dengan tugas antara mengekalkan keaslian kontrak-kontrak yang wujud dalam kerangka ajaran Islam tanpa mengenyepikan keperluan kepada perubahan bersesuaian dengan zaman, atau mentafsirkan kandungan kitab suci al-Quran dan sunnah untuk berdepan dengan zaman yang dilalui. Pentafsiran tersebut ada kalanya tidak terkeluar daripada kerangka ajarannya. Ada kalanya tersasar jauh daripada kerangka tersebut.<sup>1</sup> Justeru, artikel ini bertujuan menilai kembali pelaksanaan sistem gadaian Islam yang sedang dilaksanakan di pusat-pusat yang menggunakan skim al-rahn sebagai ganti kepada kedai-kedai pajak gadai konvensional. Artikel ini akan membincangkan pelaksanaan skim al-rahn dan meneliti aspek kebaikan dan kelemahannya dari sudut perundangan Islam untuk diperkembangkan pada masa akan datang melalui cadangan-cadangan positif. Bagi memenuhi matlamat penulisan artikel ini, penulis akan menghuraikan permasalahan gadaian menurut perspektif perundangan Islam secara ringkas terutama topik-topik yang berkaitan dengan skim al-rahn. Di samping itu penulis membuat analisis kritis terhadap transaksi kedai pajak-gadai konvensional dan skim al-rahn.*

## **PENGENALAN**

Perundangan Islam meletakkan tiga cara untuk menjaga kepentingan pemiutang dalam urusan mereka ketika memberi hutang iaitu pertamanya melalui pemberian hutang secara bertulis (*al-kitabah*), keduanya pemberian hutang dengan disaksikan oleh saksi-saksi (*al-syahadah*), ketiganya melalui meminta gadaian (*al-rahn*). Perkara ini diperjelaskan oleh Allah S.W.T. dalam firman-Nya dalam ayat *al-mudayanah* (ayat mengenai hutang) dan ayat *al-rahn* (ayat mengenai gadaian) dalam Surah al-Baqarah, ayat 282 dan 283.

Secara ringkas, transaksi gadaian terjadi apabila seseorang (yang tidak berduit contohnya) ingin berhutang dengan pemiutang. Pemiutang memberikannya duit yang dipinta dengan mensyaratkan supaya penghutang meletakkan sesuatu barang yang bernilai untuk dijadikan cagaran dan disimpan oleh pemiutang (contohnya perhiasan emas). Barang tersebut akan dijual oleh pemiutang selepas tamat tempoh pembayaran hutang sekiranya hutang gagal dijelaskan oleh penghutang tersebut.

## **DEFINISI AL-RAHN**

*Al-rahn* dalam bahasa Arab merupakan kata terbitan yang berasal dari kata perbuatan *rahana* yang bermakna menggadaikan. Perkataan ini membawa maksud kena gadai (atau digadaikan) sebagai mana kata terbitan *al-khalq* membawa makna kena jadi (atau dijadikan).<sup>2</sup>

Definisinya menurut istilah ialah sebagai mana yang diperkatakan oleh para ulama Maliki ialah:

*“Pemberian seseorang yang diizinkan berkontrak, sesuatu yang boleh dijual atau sesuatu yang mempunyai gharar (yang sedikit) sebagai sandaran (jaminan) ke atas sesuatu hak.”*<sup>3</sup>

Penulis memilih definisi ini kerana ia meliputi definisi yang digunakan oleh empat mazhab utama ahli sunnah iaitu mazhab Hanafi, mazhab Maliki, mazhab Syafie dan mazhab Hanbali. Penggunaan perkataan “*pemberian*” meliputi semua urusaniaga sama ada gadaian atau jual beli atau selainnya. Ungkapan “*seseorang yang diizinkan berkontrak*” meliputi mukallaf yang dizinkan bertransaksi mengikut perundangan Islam iaitu berakal, baligh dan tidak boros.

Manakala ungkapan “*sesuatu yang boleh dijual atau sesuatu yang mempunyai gharar*<sup>4</sup> (*yang sedikit*)” membawa makna sesuatu perkara yang boleh digunakan dalam berkontrak contohnya berjual beli. Ia merangkumi perkara untuk boleh digadaikan. Demikian juga tidak boleh menggadaikan terhadap sesuatu yang tidak boleh dijual beli seperti babi, arak, bangkai dan sebagainya. Ungkapan ini memberi pengertian umum terhadap sesuatu itu sama ada ianya benda atau “*manfa'ah*” (manfaat daripada benda) berdasarkan pandangan sesetengah mazhab yang membenarkan “bukan benda” atau “*manfa'ah*” sebagai perkara yang digadaikan contohnya ‘sesuatu hutang’ sebagai perkara yang digadaikan.

Ungkapan “*atau sesuatu yang mempunyai gharar (yang sedikit)*” membawa pengertian berdasarkan mazhab Maliki. Ia membenarkan penggadaian sesuatu yang mempunyai unsur *gharar* yang sedikit. Manakala ungkapan “*jaminan*” memberi erti bahawa kontrak ini khusus kepada kontrak gadaian dan bukan terhadap kontrak selainnya, iaitu sesuatu perkara itu menjadi jaminan ke atas hutang yang diberikan oleh pemiutang. Ungkapan “*kepada sesuatu hak*” pula meliputi gadaian kerana berhutang atau benda yang dipinjam. Ia bersesuaian kerana ungkapan “*hak*” ini lebih umum. Istilah *hak* meliputi hutang atau barang yang dipinjam kerana sesetengah mazhab mengkhususkan gadaian terhadap hutang sahaja dan tidak terhadap benda yang dipinjam.<sup>5</sup>

## RUKUN GADAIAN

Terdapat dua pandangan utama dalam memperkatakan mengenai rukun-rukun gadaian iaitu pandangan kebanyakan ulama (*jumhur ulama*)<sup>6</sup> dan pandangan mazhab Hanafi. *Jumhur ulama* (Mazhab Maliki, mazhab Syafie dan mazhab Hanbali) mengatakan terdapat empat rukun dalam sesuatu kontrak secara amnya.

Oleh itu kontrak gadaian mempunyai empat rukun iaitu pertamanya, dua orang yang berkontrak (*al-'aqidan* iaitu penggadai atau *al-rahin*; dan penerima gadaian atau *al-murtahin*). Kedua ialah lafaz kontrak (*sighah*) iaitu *ijab* (lafaz memberi gadaian) dan *qabul* (lafaz menerima gadaian). Ketiganya ialah perkara yang digadaikan (*al-marhun*). Manakala keempatnya ialah hak yang menjadi sebab sesuatu itu digadai (*al-marhun bihi*). Sesetengah ulama mengatakan terdapat enam rukun kerana mereka menjadikan dua orang yang berkontrak sebagai dua rukun; dan *ijab* dan *qabul* juga sebagai dua rukun yang berbeza.<sup>7</sup>

Mazhab Hanafi pula mengatakan terdapat dua rukun sahaja iaitu *ijab* dan *qabul* pada berkontrak termasuk kontrak gadaian. Individu atau pihak yang berkontrak dan perkara yang digadaikan terhadap sesuatu hak merupakan perkara yang mendatang dan mesti zahir apabila adanya *ijab* dan *qabul*.

Namun sebahagian besar daripada mereka mengatakan bahawa hanya ada satu rukun sahaja pada kontrak gadaian (*al-rahm*) iaitu *ijab* (lafaz menggadaikan) kerana kontrak gadaian adalah kontrak *tabarru'* (iaitu kontrak sukarela dan kebajikan yang berbentuk umum meliputi sedekah, memberi pinjam dan sebagainya). Pandangan ini ditolak oleh sebahagian kecil ulama mazhab Hanafi. Mereka menetapkan dua rukun tersebut (*ijab* dan *qabul*) pada gadaian kerana walaupun kontrak gadaian merupakan kontrak *tabarru'*. Namun ia bukanlah kontrak *tabarru'* dari semua segi. Pada mereka, terdapat juga pada kontrak gadaian ini makna "*mu'awadah*" atau "pertukaran barang dengan sesuatu yang lain".<sup>8</sup>

Walaupun begitu para ulama tidak menafikan *al-rahm* ini merupakan kontrak *tabarru'* (iaitu kontrak kebajikan berupa menyedekahkan penggunaan wang tanpa mengambil keuntungan dengan menyandarkan sesuatu barang sebagai jaminan). Tidak timbul dalam kontrak ini, mereka mendapatkan untung daripada penyimpanan barang sebagaimana dalam skim *al-rahm* yang dilaksanakan dewasa ini kerana perbelanjaan menjaga barang gadaian mengikut kadarnya yang sebenar tanpa mengambil untung, tidak terpisah daripada kontrak gadaian itu sendiri. Memberi pinjaman atau hutang dari pihak pemiutang adalah sedekah. Memberi sesuatu barang dari pihak penghutang kepada pemiutang sebagai jaminan kepada hutangnya juga adalah sedekah.

Oleh itu, pertikaian terhadap transaksi *ar-rahm* ialah apabila diubah kontrak *al-rahm* dari jada hakikat kontrak untuk bersedekah (*tabarru'*) kepada kontrak mencari keuntungan. Ia berlaku melalui tambahan "kontrak upah simpan" antara penghutang dan pemiutang. Ini menyebabkan unsur-unsur yang dipertikaikan dimasukkan lebih-lebih lagi *al-rahm* berbeza dengan gadaian konvensional yang menjadikan barang sebagai sandaran dan pinjaman dikenakan kadar faedah tertentu. Segala hujah berkaitan persoalan ini akan diperjelas selanjutnya dalam artikel ini.

Dalam masalah gadaian mengikut perundangan Islam juga, segala kos menjaga barang milik penghutang akan ditanggung oleh penghutang kerana barang itu adalah miliknya. Menurut ulama fekah, penghutang hanya membayar kos yang sebenar untuk menjaga barang gadaian. Sebarang pengambilan untung daripada kos tersebut oleh pemiutang adalah riba kepada

pinjaman wang kerana pemiutang menyimpan barang gadaian dari penghutang berasaskan akad (kontrak) gadaian dan bukan kontrak upah yang berasingan. Transaksi kontrak gadaian sudah meliputi peminjaman wang atau barang dan penyerahan barang gadaian. Sekaligus meliputi juga tanggungjawab penghutang untuk membayar kos sebenar menjaga barang gadaian miliknya tanpa perlu kepada kontrak upah yang baru. Perkara ini akan dibincangkan dengan lebih terperinci dalam topik mengambil faedah dari barang-barang gadaian (*al-intifa' bi al-marhun*) dan perbelanjaan menjaga barang gadaian (*nafaqah al-marhun*).

Jikalau adapun keuntungan dari kontrak *al-rahn* yang merupakan kontrak *tabarru'*, maka ia adalah keuntungan maknawi, iaitu keuntungan yang datang secara tidak langsung seperti orang miskin merasa terbelas yang membawa kepada keselamatan harta orang-orang kaya. Pemberi hutang pula mendapat pahala dan ganjaran di sisi Allah S.W.T.

## HUKUM BERKAITAN BARANG GADAIAN

Terdapat beberapa hukum mengikut perundangan Islam yang perlu diperincikan sebelum analisis yang khusus dapat dilakukan terhadap pelaksanaan skim *al-Rahn* tersebut.

### Nafkah Terhadap Barang Gadaian

Sarjana Islam telah memperincikan terlebih dahulu perbincangan mengenai kewajipan menanggung nafkah bagi menjaga dan menyimpan barang gadaian. Para ulama muftakar membezakan dua bentuk nafkah, iaitu nafkah untuk meneruskan kewujudan dan nafkah penjagaannya. Mereka bersepakat bahawa penggadai (*al-rahin*) yang juga penghutang, wajib menanggung perbelanjaan memastikan penerusan kewujudan sesuatu yang digadaikannya. Contohnya perbelanjaan memastikan kereta yang digadaikan dalam keadaan sempurna melalui servis yang berterusan merupakan tanggungjawab penghutang / penggadai (pemilik kereta). Namun mereka berbeza pandangan dalam menentukan sama ada perbelanjaan selainya (seperti menyediakan tempat letak kereta) merupakan sebahagian kos yang perlu ditanggung oleh penggadai (iaitu penghutang tersebut) atau sebaliknya?

Terdapat dua pandangan utama dalam permasalahan ini, iaitu:

- i. Kebanyakan ulama (*jumhur ulama*) berpandangan bahawa perbelanjaan menjaga barang gadaian adalah tertanggung di bahu penggadai. Ia meliputi perbelanjaan berupa sesuatu yang “meneruskan kewujudannya” atau sesuatu perkara lain untuk menjaganya. Ia berasaskan bahawa segala perbelanjaan tersebut adalah untuk faedah penggadai itu sendiri iaitu menjaga kesempurnaan barang penggadai.<sup>9</sup>
- ii. Mazhab Hanafi berpandangan bahawa perbelanjaan untuk “meneruskan kewujudan” barang gadaian adalah tanggungan penggadai. Manakala perbelanjaan untuk menjaganya seperti tempat letak kereta yang khusus adalah tertanggung di atas tanggungjawab penerima gadaian (pemiutang). Ia berdasarkan kepada pandangan bahawa penerima gadaian memegang barang tersebut untuk faedah dirinya iaitu sandaran ke atas pinjaman atau hutang yang diberikan. Oleh itu penerima gadaian tidak berhak untuk meminta perbelanjaan tersebut dari penggadai.<sup>10</sup>

Dalam permasalahan ini, transaksi gadaian di pusat-pusat *al-rahn* mengambil pandangan kebanyakan ulama yang mengatakan bahawa tanggungjawab kos penjagaan terletak pada bahu penggadai (pemilik barang). Namun ia tidak bermakna penerima gadaian (pemiutang) boleh mengambil lebih daripada kos sebenar atas nama upah berdasarkan kaedah “*kull qard jarra naf’an fahuwa riba*” iaitu setiap pinjaman yang mengambil atau mendapat faedah maka ia adalah riba. Kaedah ini akan diterangkan secara lebih lanjut dalam tajuk di bawah.<sup>11</sup>

### **Penggunaan atau Mengambil Manfaat Daripada Barang Gadaian (*al-intifa’ bi al-marhun*)**

Perbincangan mengenai permasalahan mengambil manfaat daripada barang gadaian merangkumi dua topik utama iaitu:

- i. Permasalahan pemiutang (yang juga penerima gadaian atau *al-murtahin*) mengambil manfaat atau menggunakan barang gadaian.

- ii. Permasalahan penggadai (*al-rahin*) mengambil manfaat daripada barang miliknya yang berada di tangan penerima gadaian (pemiutang tersebut).

Perbincangan hanya menumpu kepada permasalahan pertama sahaja iaitu permasalahan penerima gadaian (*al-murtahin*) iaitu pemiutang mendapat faedah daripada barang yang diserahkan kepadanya untuk gadaian dengan izin penggadai.

Dr. Muhammad Uthman Syubayr menukilkan dalam bukunya bahawa keseluruhan faedah atau manfaat yang didapati daripada barang gadaian adalah hak tuan punya barang tersebut iaitu penghutang yang menggadaikannya. Pandangan ini merupakan kata sepakat para *fuqaha`*. Penerima gadaian tidak berhak menggunakannya tanpa izin dari pemiliknya sekiranya barang gadaian tersebut bukan daripada jenis yang boleh diperah susunya atau boleh ditunggangi.<sup>12</sup> Hukum yang berbeza sedikit bagi barang gadaian yang boleh menghasilkan susu (contohnya haiwan yang mengeluarkan susu) dan boleh ditunggang (contohnya kuda, kereta dan sebagainya).

Para ulama berselisih pandangan kepada tiga pandangan berbeza mengenai masalah sekiranya penggadai membenarkan penerima gadaian menggunakan barang gadaian tersebut (menggambil faedah darinya) iaitu:

- i. Pandangan yang melarang pemiutang atau penerima gadaian tersebut menggunakannya secara mutlak. Pandangan ini dipelopori oleh sebahagian ulama mazhab Hanafi, satu pandangan yang lebih terkenal dalam mazhab Shafie dan Imam Ahmad bin Hanbal.<sup>13</sup>

Menggunakan barang gadaian adalah seumpama sewa secara percuma. Penggunaan adalah sesuatu yang mempunyai nilai wang. Oleh itu, meletakkan syarat pemberian "*manfa'ah*" adalah riba kerana penghutang terpaksa membayar hutang secara penuh dan menyerahkan barang gadaian untuk digunakan pada masa yang sama, iaitu penghutang membayar hutangnya dengan cara bayaran pinjaman dan penggunaan barang secara percuma. Dalam erti kata lain berlaku padanya kaedah "*kull qard jarra naf'an fahuwa riba*" iaitu setiap pinjaman yang berlaku pengambilan faedah atau manfaat daripada pinjaman tersebut maka ia adalah riba. Iaitu

pemiutang mengambil faedah menggunakan barang hasil daripada pemberian hutang kepada pemilik barang gadaian.

- ii. Pandangan yang membenarkan pemiutang atau penerima gadaian menggunakannya secara mutlak. Pandangan ini dipelopori sebahagian kecil ulama mazhab Hanafi dan mazhab syiah Ja'fariyyah. Mereka berhujah bahawa seseorang itu bebas menyedekahkan penggunaan barangnya kepada sesiapa yang disukai berdasarkan kepada hadis: "*Tidak halal (menggunakan atau mengambil) harta seseorang muslim kecuali dia mengizinkan.*"<sup>14</sup>

Menurut mereka, seseorang itu bebas dan berhak meminjamkan barang gadaianya sama ada kepada penerima gadaian mahupun bukan penerima gadaian. Namun pentafsiran tersebut ditolak oleh para ulama kerana hadis tersebut bukanlah umum sebegitu. Sebaliknya ia terikat kepada perkara yang tidak membawa kepada perkara haram umpamanya mewujudkan riba. Manakala penggunaan kaedah *qiyas* iaitu mengiaskan (*qiyas usuli*) seseorang itu bebas menyedekahkan penggunaan sesuatu barang pada sesiapaupun sebagaimana dalam *al-rahn*, dengan kebebasan yang dinyatakan dalam hadis, merupakan *qiyas* yang batil. *Qiyas* ini menurut istilah ulama usul fekah ialah *qiyas ma'a al-fariq* iaitu mengiaskan sesuatu perkara kepada sesuatu yang berbeza kerana kalaulah tidak kerana pinjaman nescaya pemilik barang tersebut akan melarikan barangnya dan tidak meminjamkan kepada penerima gadaian.<sup>15</sup>

- iii. Pandangan yang membenarkan penerima gadaian menggunakan barang gadaian sekiranya penggadai mengizinkannya dengan syarat hak yang dituntut bukannya hak yang terhasil daripada pinjaman wang tunai (termasuk emas dan perak). Sebaliknya ia adalah hak ke atas hutang daripada pertukaran barang seperti jual beli. Dalam keadaan tersebut, ianya dibenarkan sekiranya ditentukan tempoh penggunaan barang gadaian tersebut. Syariat Islam membezakan berhutang melalui urusan jual beli dan meminjam wang tunai.



Contohnya seseorang membeli rumah dengan cara berhutang. Ia menggadaikan tanahnya untuk berhutang. Dalam kontrak tersebut, ia membenarkan penerima gadaian menggunakan tanahnya tersebut untuk sesuatu tempoh tertentu. Kontrak ini dibenarkan mengikut pandangan ini yang dipelopori para ulama mazhab Maliki, sebahagian ulama mazhab Shafie dan mazhab Hanbali. Mereka mensyaratkan hutang tersebut adalah hutang jual beli dan bukan dari pinjaman wang tunai. Pinjaman wang tunai mempunyai beberapa peraturan yang ketat untuk mengelakkan riba. Kaedahnya riba pinjaman wang tunai ialah sebarang pembayaran lebih terhadap kadar asal sama ada berbentuk wang tunai atau penggunaan barang adalah riba. Ia berdasarkan kaedah: "*kull qard jarra naf'an fahuwa riba*" iaitu setiap pinjaman yang berlaku pengambilan faedah darinya maka ia adalah riba. Justeru mereka membenarkan penggunaan barang oleh penerima gadaian (yang juga pemiutang dan pemegang barang gadaian tersebut) pada hutang yang terhasil daripada jual beli.

Terdapat dua bentuk bayaran untuk jual beli secara hutang. Sebagaimana contoh di atas, seseorang membeli rumah dengan harga seratus ribu ringgit secara hutang dengan bank. Ia menggadaikan tanahnya untuk berhutang. Dalam kontrak di atas ia mengizinkan penerima gadaian (bank) menggunakan tanahnya untuk tempoh setahun. Pada transaksi ini, harga rumah yang dibeli oleh penghutang (yang juga penggadai) dibayar dalam dua bentuk iaitu seratus ribu ringgit dan sewa tanah selama setahun. Oleh itu mereka mensyaratkan penetapan tempoh penggunaan supaya tidak timbul persoalan ketidaktentuan pada harga (*jahalalah*).<sup>16</sup>

Ini membuktikan ulama-ulama muktabar amat berhati-hati pada permasalahan riba. Ini memandangkan sebarang bayaran lebih daripada pinjaman wang tunai yang diberi dengan menggunakan nama sedekah, upah, hadiah adalah riba berdasarkan kaedah "*kull qard jarra naf'an fahuwa riba*" iaitu setiap pinjaman yang berlaku pengambilan faedah darinya maka ia adalah riba. Kalaulah tidak kerana pinjaman nescaya penghutang tidak akan memberikan upah, hadiah atau sedekah tersebut. Para sarjana Islam membenarkan pengambilan bayaran kos pentadbiran dengan syarat kos tersebut adalah kos

sebenar pentadbiran tersebut dan bukannya sebagai satu alasan untuk mengambil keuntungan dengan meletakkan kadar yang melebihi kos sebenar pentadbiran.<sup>17</sup>

## **ANALISIS DAN KRITIKAN TERHADAP TRANSAKSI GADAIAN KONVENSIONAL DAN SKIM *AL-RAHN***

Penjelasan yang didapati daripada kitab-kitab ulama-ulama Islam terdahulu telah memperjelas hakikat sebenar gadaian dalam perundangan Islam. Pemahaman mendalam mengenai transaksi ini akan membantu pembaca untuk menganalisis secara kritis transaksi gadaian semasa yang dilaksanakan di Malaysia sama ada ianya daripada sistem konvensional ataupun skim *al-rahm*.

### **Transaksi Di Kedai Pajak-Gadai Konvensional**

Umum mengetahui bahawa sistem gadaian konvensional tidak menjadikan perundangan Islam sebagai asas dan dasar kepada penubuhannya. Namun ia tidak bermaksud tidak boleh dilakukan analisis kritis terhadapnya kerana tidak semua perlaksanaannya bertentangan dengan perundangan Islam. Transaksi gadaian di tempat ini dilakukan apabila seseorang (penghutang) memohon daripada pemilik pajak-gadai (pemiutang) pinjaman wang untuk dibayar pada tempoh yang tertentu iaitu tidak melebihi enam bulan (boleh ditambah tiga bulan bergantung kepada permintaan dan syarat-syarat tertentu). Pemohon hutang mesti mengemukakan sesuatu gadaian (perhiasan emas merupakan barang gadaian yang banyak digunakan walaupun undang-undang tidak menentukan). Pemohon tersebut mengemukakan barang gadaian kepada pemiutang untuk diperiksa dan pemiutang menulis segala sifat barang gadaian secara terperinci pada buku catatan gadaian. Pemohon akan menerima resit rasmi bersama-sama wang pinjaman yang dipintanya, berdasarkan syarat-syarat yang termaktub pada perjanjian pinjaman tersebut dan akta pajak-gadai 1972 (1994).<sup>18</sup>

Dalam transaksi tersebut, terdapat lima syarat utama yang termaktub dalam resit tersebut (dan dalam akta) yang boleh dianalisis secara kritis iaitu:

- i. Syarat pertama ialah syarat yang mengatakan bahawa penghutang yang juga penggadai perlu membayar lima puluh sen sebagai bayaran perkhidmatan. Mengikut perundangan Islam pembayaran tersebut adalah tidak bersalahan selagi ia tidak membawa kepada pengambilan bayaran melebihi kos

sebenarnya pentadbiran. Sebaliknya pengambilan bayaran kos pentadbiran melebihi kos hakiki pentadbiran adalah dilarang. Ia merupakan pengambilan tambahan terhadap nilai asal pinjaman dengan nama kos pentadbiran. Oleh itu ia adalah riba.<sup>19</sup>

- ii. Syarat yang kedua ialah penghutang mesti membayar faedah atau bunga pada kadar dua peratus sebulan ke atas jumlah pinjaman. Syarat ini bertentangan dengan perundangan Islam secara langsung yang tidak membenarkan penambahan kepada kadar asal pinjaman berdasarkan tempoh masa sebagai mana ketetapan yang dibuat oleh Majlis Penyelidikan Islam dalam persidangannya yang kedua pada tahun 1965. Ia mengatakan bahawa segala jenis faedah ke atas semua jenis pinjaman adalah riba yang diharamkan oleh perundangan Islam.<sup>20</sup>
- iii. Syarat ketiga ialah kegagalan membayar balik pinjaman pada tempoh yang ditetapkan menyebabkan barang gadaian berada dalam dua keadaan. Pertama, sekiranya harga barang gadaian kurang dari seratus ringgit maka barang tersebut menjadi milik pemiutang. Kedua, sekiranya barang tersebut harganya melebihi seratus ringgit, maka ia hendaklah dilelong oleh pelelong berlesen.

Dalam erti kata yang lain, syarat ini mengandungi dua perkara iaitu pertama mensyaratkan pemilikan barang gadaian kepada pemiutang sekiranya penghutang gagal membayar hutang (yang kadarnya kurang dari seratus ringgit) dalam tempoh yang ditetapkan. Keduanya mensyaratkan supaya barang gadaian dijual kepada umum sekiranya penghutang gagal menjelaskan (hutang yang melebihi seratus ringgit) dalam tempoh yang ditetapkan.

Perundangan Islam melarang meletakkan syarat pemilikan barang gadaian kepada pemiutang walaupun kadar hutangnya hanya seratus ringgit. Menurut Imam al-Syaukani larangan tersebut adalah bertujuan membatalkan amalan *jahiliah* yang membolehkan barang gadaian menjadi milik pemiutang apabila penghutang gagal membayar hutangnya.<sup>21</sup> Manakala syarat supaya dijual barang tersebut, adalah dibenarkan dalam perundangan Islam.

- iv. Syarat keempat ialah penghutang boleh meminta supaya ditambah tempoh bayaran dengan syarat membayar keseluruhan faedah bagi hutang untuk tempoh enam bulan yang lepas. Syarat ini secara terang-terangan adalah bertentangan dengan perundangan Islam apabila mensyaratkan pembayaran riba. Manakala melanjutkan tempoh bayaran kepada tempoh yang akan datang dibenarkan sekiranya tiada sebarang pertambahan bayaran dan dipersetujui oleh pemiutang.
- v. Syarat kelima ialah penggadaai (penghutang) berhak ke atas baki harga barang gadaian yang telah dijual setelah ditolak kadar hutang, faedah dan upah pengurusan sebagai mana ditetapkan oleh undang-undang Malaysia. Syarat ini menepati kehendak perundangan Islam kecuali pada permasalahan membayar kadar faedah (riba) hutang tersebut.

Kesimpulan yang dapat dilakukan terhadap transaksi gadaian konvensional ialah ia berdiri atas konsep riba yang diharamkan dalam perundangan Islam iaitu penetapan kadar faedah dua peratus sebulan.

### **Transaksi Gadaian Di Pusat-Pusat Gadaian Islam (*Skim al-rah*n)**

Transaksi gadaian di pusat-pusat ini dilakukan apabila seseorang yang ingin berhutang wang tunai membuat permohonan berhutang dan menggadaikan barang gadaian kepada pusat tersebut. Penghutang hanya dibenarkan berhutang sejumlah wang yang tidak melebihi lima puluh peratus atau enam puluh peratus daripada harga barang gadaian. Wang tunai tersebut diberikan oleh pihak pusat gadaian sebagai satu pinjaman kebajikan (tanpa peratusan keuntungan atau faedah), dan penghutang hanya perlu membayar upah sewa menyimpan barang gadaian kepada pusat gadaian.

Dalam erti kata yang lain, pusat gadaian hanya mengambil keuntungan daripada sewaan dan bukan daripada pinjaman wang tunai tersebut. Hasil keuntungan wang sewaan tersebutlah menjadi sumber kepada kepesatan penubuhan pusat-pusat gadaian Islam. Persoalannya sekarang, adakah wang sewa tersebut sememangnya wang sewa, atau riba yang diberi nama dengan nama yang lain dalam sistem ini? Transaksi ini juga mengandungi syarat-syarat yang lain seperti berikut: <sup>22</sup>

- i. Syarat pertama ialah kadar hutang hendaklah bersamaan dengan lima puluh peratus atau enam puluh peratus daripada nilai barang gadaian (barang kemas emas).

Syarat ini berkaitan dengan mensyaratkan kadar tertentu untuk hutang berdasarkan nilai barang gadaian. Para ulama membenarkan meletakkan syarat yang tidak bertentangan dengan maksud kontrak dan tidak memberi mudarat kepada salah satu daripada dua pihak yang berkontrak. Bahkan mereka bersepakat membenarkan kadar hutang sama ada bersamaan atau melebihi atau kurang daripada nilai barang gadaian.

- ii. Syarat kedua ialah mensyaratkan barang gadaian hendaklah barang kemas jenis emas sahaja.

Berkaitan dengan syarat ini, perundangan Islam membuka ruang yang luas untuk kedua pihak yang berkontrak untuk meletakkan syarat-syarat selama mana tidak bertentangan dengan tuntutan kontrak dan tidak memberi mudarat kepada salah seorang daripada pihak yang berkontrak. Justeru, mensyaratkan emas sebagai barang gadaian adalah syarat yang dibenarkan.

- iii. Syarat ketiga ialah penghutang (penggadai) hendaklah membayar upah simpan barang gadaian dan kadarnya berdasarkan jadual di bawah:

Nilai barang gadaian	Upah simpan bagi setiap seratus ringgit untuk tempoh sebulan
Dari RM1.00 hingga RM400.00	RM0.30
Dari RM401 hingga RM2000.00	RM0.40
Dari RM2001 hingga RM10000.00	RM0.45

Nota: Kadar upah berbeza antara pusat-pusat gadaian.

Contoh: Jika seseorang meminjam wang RM5000.00 dengan menggadaikan barang kemas bernilai RM10000.00, maka beliau perlu membayar upah simpan sejumlah RM45.00 sebulan ( $RM0.45 \times 100 = RM45.00$ .) Sekiranya untuk tempoh

simpanan adalah enam bulan maka beliau perlu membayar  $RM45.00 \times 6 = RM270.00$

Menurut perundangan Islam, tugas menanggung kos penjagaan barang gadaian adalah terletak di bahu pemiliknya iaitu penggadai yang juga penghutang. Kos ini secara langsung menjadi bebanan penghutang apabila berlakunya kontrak gadaian tanpa perlu disebut dalam kontrak gadaian. Ini disebut dalam istilah perundangan Islam sebagai “*kesan atau natijah dari kontrak tersebut (athar al-‘aqd)*”. Antara natijah daripada kontrak gadaian ialah pemiutang memegang barang gadaian dan kos penjagaan wajib dibayar oleh pemilik barangan. Sebarang usaha pengambilan untung daripada kontrak hutang dan gadaian adalah riba bersesuaian dengan kaedah yang telah disebut sebelum ini iaitu *kull qard jarra naf’an fahuwa riba* iaitu setiap pinjaman yang berlaku pengambilan faedah darinya maka ia adalah riba. Kalaulah tidak kerana hutangnya kepada pemiutang nescaya dia tidak akan menyimpan dengan pemiutang. Oleh itu pemiutang mengambil faedah daripada hutang tersebut dengan mewajibkan penghutang menyewa tempat simpan dengan kadar yang boleh mendapat untung.

Oleh itu mensyaratkan penghutang membayar kos penjagaan barang adalah dibenarkan. Walaupun begitu tidak boleh menjadikan keharusan ini sebagai satu jalan untuk memakan riba kerana penghutang sebenarnya hanya wajib membayar kos sebenar (tanpa keuntungan) atas penjagaan barangnya kerana tidak wujud sebenarnya kontrak terasing iaitu “sewa atau upah simpan” dalam gadaian kerana ianya sudah terkandung dalam kontrak gadaian bersesuaian gadaian adalah kontrak *tabarru’* menurut para ulama. Lebih-lebih lagi jika sekiranya upah simpan bergantung kepada nilai barang, ia membawa kepada satu helah yang nyata untuk memakan riba sekiranya kos sebenar penjagaannya adalah sama untuk setiap barang.

Namun upah simpanan boleh berbeza sekiranya perbezaan tersebut disebabkan oleh perbelanjaan menjaganya seperti bayaran sumbangan takaful berbeza berdasarkan nilainya.

- iv. Syarat keempat ialah penggadai boleh melanjutkan tempoh bayaran hutangnya dengan syarat dia hendaklah membayar upah simpan bagi tempoh yang sebelumnya.

Syarat ini mengandungi dua perkara utama iaitu menangguhkan hak pemiutang meminta hutang dan kewajipan membayar nafkah atau kos penjagaan yang lepas. Menurut perundangan Islam, penangguhan dibenarkan sekiranya pemiutang bersetuju dengan penangguhan tersebut. Manakala mensyaratkan pembayaran kos penjagaan yang lalu tidak bertentangan dengan tujuan berkontrak.

- v. Syarat kelima ialah mensyaratkan penjualan barang gadaian sekiranya penghutang gagal membayar hutang setelah tamat tempohnya.

Syarat ini telah diperjelaskan dalam perbincangan mengenai gadaian konvensional. Ia bertepatan dengan perundangan Islam kerana ia adalah sebahagian daripada kesan atau natijah kontrak gadaian tersebut.

- vi. Syarat keenam ialah pihak pusat gadaian tidak bertanggungjawab terhadap kemusnahan barang gadaian sekiranya bukan disebabkan oleh penyalahgunaan olehnya. Pusat gadaian hanya memegang barang gadaian sebagai amanah semata-mata.

Harus mensyaratkan syarat tersebut berpandukan mazhab Shafie. Pemiutang (penerima gadaian) memegang barang gadaian adalah sebagai pemegang amanah (*yad amanah*). Ia tidak wajib menggantikannya sekiranya berlaku kemusnahan bukan disebabkan dia menyalahgunakannya.

Kesimpulan yang penulis dapat lakukan terhadap transaksi skim *al-rah*n ialah transaksi ini telah membantu memastikan bahawa kadar pinjaman berpatutan dengan nilai barangan yang digadai dalam kes-kes penggadai gagal membayar balik pinjamannya. Pihak penggadai mungkin kurang merasa tertipu berbanding dengan sistem gadaian konvensional. Namun skim ini masih gagal untuk membersihkan diri daripada terlibat dengan permasalahan riba melalui pengambilan upah simpan.

Terdapat beberapa persoalan yang boleh dikaitkan dengan permasalahan “upah simpan” ini iaitu:

- i. Mengiaskannya dengan hukum yang mengatakan harus mengambil manfaat tanpa izin penggadai daripada barang gadaian yang boleh ditunggang (*al-intifa' bi al-markub*) contohnya kereta atau kuda; dan barang gadaian yang boleh mengeluarkan susu (*al-intifa' bi al-mahlub*) seperti lembu, kambing dan sebagainya.

Sebagai mana yang telah diperkatakan pada awal artikel ini, para sarjana Islam silam sependapat mengatakan bahawa tidak boleh mana-mana penerima gadaian (pemiutang/pemberi pinjaman) itu menggunakan barang gadaian (yang bukan jenis ditunggang atau diambil susunya) tanpa izin penggadai. Namun dalam permasalahan menggunakan tanpa izin penggadai, barang gadaian yang boleh ditunggang/dinaiki dan yang boleh dimanfaatkan susunya, para sarjana Islam berselisih pandangan kepada beberapa pandangan.

Pandangan pertama ialah pandangan *jumhur* ulama yang terdiri daripada ulama mazhab Hanafi, mazhab Maliki, mazhab Syafie dan sebahagian ulama mazhab Hanbali. Mereka berpegang kepada larangan secara mutlak penggunaan barang gadaian oleh penerima gadaian sama ada menunggang mahupun mengambil faedah daripada susunya.<sup>23</sup>

Pandangan kedua ialah pandangan yang lebih tepat bagi ulama mazhab Hanbali yang membenarkan penggunaan oleh penerima gadaian mengikut nilai yang penerima gadaian gunakan wangnya untuk menjaga barang gadaian tersebut.<sup>24</sup> Maka sekiranya penerima gadaian membelanjakan RM1000 untuk menjaga barang gadaian, maka dia boleh menggunakan gadaian tersebut sekadar nilai tersebut.

Manakala pandangan ketiga ialah pandangan Ibn Hazm yang hanya membenarkan penerima gadaian menggunakan barang gadaian sekiranya penggadai enggan menanggung kos penjagaan barang gadaian.<sup>25</sup>

Daripada perbincangan di atas, jelas menunjukkan para ulama melarang pengambilan manfaat daripada barang gadaian kerana



sebarang penggunaannya adalah riba kepada pinjaman. Pada pandangan yang membenarkan penggunaannya pula mensyaratkan keengganan penggadai membayar kos penjagaan dan supaya kadar penggunaan hendaklah senilai dengan kos penggunaan yang telah dibelanjakan oleh penerima gadaian.

Ibn Qayyim ketika memperkatakan topik ini, memberi ulasan yang amat baik, katanya:

“Yang tepat penyelesaiannya mengenai masalah ini ialah sepertimana yang diterangkan oleh hadis, kaedah-kaedah syariah, dasar-dasarnya yang tidak menggandungi selain darinya (kecuali kebenaran).

Dengan itu, sekiranya gadaian adalah haiwan, maka ia adalah sesuatu yang mulia di sisi Allah S.W.T. Pemilik barang gadaian mempunyai hak pemilikannya. Manakala penerima gadaian (*al-murtahin*) mempunyai hak memegang barang gadaian (sebagai sandaran kepada pinjaman yang diberi).

Sesungguhnya Allah S.W.T. mensyariatkan barang gadaian berada di tangan penerima gadaian. Oleh itu, sekiranya barang gadaian berada di tangan penerima gadaian dalam keadaan dia tidak boleh menunggangnya atau mengambil susunya, pasti akan sia-sia manfaat daripada barang tersebut (iaitu susu dan penggunaan barang tersebut).

Sekiranya dibenarkan penggadai (yang juga penghutang) menunggang barang gadaian, maka barang gadaian tidak lagi berada dalam jagaan penerima gadaian. Ia tidak lagi menjadi sandaran kepada hutang yang diberi oleh pemiutang.

Sekiranya dipertanggungjawabkan penggadai untuk datang mengambil susu (binatang gadaian), ia amat menyusahkannya. Apatah lagi sekiranya jarak rumah penggadai jauh.

Sekiranya dipertanggungjawabkan penerima gadaian untuk menjual susunya dan menyimpan perolehan jualannya bagi pihak penggadai, ia amat menyusahkan penerima gadaian. Oleh itu, jalan tengah yang lebih adil dan *qiyas*; sebagai menjaga kepentingan penggadai, penerima gadaian dan haiwan yang digadai, maka penerima gadaian boleh menggunakan barang gadaian sama ada menunggang atau meminum susunya. Namun diganti penggunaan tersebut dengan menanggung kos penjagaan

haiwan gadaian. Pada pandangan ini ialah mengumpulkan kepentingan dan hak kedua-dua belah pihak.<sup>26</sup>

Perbincangan di atas berkemungkinan menjadi asas kepada pandangan mereka yang membenarkan upah simpan. Ia berdasarkan pandangan sesetengah ulama yang membenarkan penerima gadaian mengambil manfaat daripada barang gadaian. Namun pandangan yang mengiaskan upah simpan dengan keadaan di atas adalah *qiyas* yang batil. *Qiyas* ini menurut istilah ulama usul feqah ialah *qiyas ma'a al-fariq* kerana beberapa perkara. Pertamanya ialah ulama membenarkan pengambilan manfaat (ambil susu atau menunggang) oleh penerima gadaian sebagai balasan dia telah berbelanja untuk menjaga barang gadaian. Untuk mengelakkan kesukaran, Ibn Qayyim membenarkan perbelanjaan tidak disukat dengan penghasilan. Keduanya manfaat yang diperkatakan pula adalah manfaat terhadap perkara yang mudah rosak atau hilang seperti susu dan tunggangan. Ketiganya ialah penggadai tidak langsung membayar kos penyimpanannya. Para sarjana Islam tidak memperkatakan dalam bab ini, penggadai membayar nafkah atau kos penjagaan yang lebih kepada penerima gadaian supaya penerima gadaian untung kerana perbuatan tersebut adalah riba sebagai mana yang diperkatakan sebelum ini.

- ii. Membenarkan amalan tersebut atas dasar *masalah* atau kemaslahatan dan kepentingan masyarakat Islam, atau berpegang kepada kaedah *Yang paling kurang mudaratnya (akhaff al-dararayn)*. Berikut diperincikan dua kaedah tersebut:

(a) ***Maslahah***

*Maslahah* atau kepentingan menurut ulama-ulama usul feqah terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu:

Pertamanya, kepentingan yang disebut dan diiktiraf oleh Allah S.W.T. sebagai suatu kepentingan. *Maslahah* ini disebut sebagai *masalah mu'tabarah* atau kemaslahatan yang diperakui oleh Allah S.W.T.

Kedua ialah kepentingan yang dirasakan untuk manusia tetapi Allah S.W.T. membatalkannya. Allah tidak memperakui sesuatu itu merupakan kepentingan utama untuk manusia, bahkan mengatakan

ketiadaannya merupakan kepentingan yang lebih besar terhadap manusia. *Maslahah* jenis ini diberi nama *maslahah mulghah* (kepentingan yang dinafikan oleh Allah S.W.T. sebagai satu keperluan).

Ketiganya ialah kepentingan yang tidak diperakukan secara nyata oleh Allah S.W.T. dan tidak pula dinyatakan larangan memperakukannya. Dalam erti kata lain, tidak ada dalil yang menafikannya sebagai satu kepentingan dan tidak ada juga dalil yang memperakui ia adalah sesuatu kepentingan. Oleh itu, kemaslahatan ini dipanggil *maslahah mursalah* (kemaslahatan yang tidak disentuh oleh Allah S.W.T.). *Maslahah mursalah* menjadi perdebatan di kalangan ulama sama ada ia merupakan salah satu hujah dalam perundangan Islam ataupun tidak.

Namun, kebanyakan ulama mempertahankan bahawa *maslahah* merupakan salah satu sumber sekunder perundangan Islam pada perkara-perkara yang tidak dinyatakan dalil secara khusus. Perbahasan secara terperinci di bawah tajuk ini (atau *maslahah*) diperkatakan oleh ulama-ulama yang membincangkan topik *maqasid al-syari'ah* atau maksud dan matlamat akhir syariat.

Kepentingan menggunakan riba dalam ekonomi merupakan kepentingan yang dibatalkan oleh perundangan Islam secara terang-terangan. *Maslahah mulghah* (kepentingan yang dibatalkan oleh syariat Islam). Ia tetap diharamkan pada setiap zaman dan tempat kerana pengharamannya adalah ditentukan oleh dalil-dalil al-Quran dan al-sunnah dan bukan adat sesuatu tempat.

Oleh itu untuk pandangan yang mengatakan upah simpan itu merupakan sebahagian daripada jenis riba berdasarkan kaedah: "*kull qard jarra naf'an fahuwa riba*" yang bererti setiap pinjaman yang berlaku pengambilan faedah daripadanya maka ia adalah riba. Kalaulah tidak kerana hutangnya kepada pemiutang nescaya dia tidak akan menyimpan dengan pemiutang dan membayar upah sewa. Oleh itu pelaksanaan sistem ini dengan bentuk yang ada sekarang masih tidak menepati maksud perundangan Islam dalam mengharamkan riba dan menolak keburukan yang ada pada riba.

Imam al-Syatibi mengatakan bahawa maksud arahan dan larangan adalah kepentingan dan maksud utama perundangan Islam.

Perlaksanaan terhadap segala suruhan dan larangan juga adalah matlamat akhir syariat Islam. Dalam erti kata yang lain, perundangan Islam apabila mengatakan matlamatnya untuk mendapatkan sesuatu kepentingan, kadang-kadang jalan ke arahnya diperjelaskan juga. Ini dapat difahami bagaimana Islam menjadikan penjagaan maruah sebagai antara matlamat utama perundangannya, maka jalan-jalan menjaganya seperti hukuman tertentu terhadap pezina dinyatakan juga. Perlaksanaan terhadap perkara ini merupakan maksud syariat Islam.<sup>27</sup> Topik ini diperjelas lagi oleh Prof. Dr. Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti bahawa *masalah* hendaklah tidak berlawanan dengan hukum syarak kerana penggunaan hukum syarak adalah masalah yang lebih besar.<sup>28</sup>

Oleh itu kekuatan ekonomi umat Islam yang ingin dicapai melalui sistem kewangan Islam, dijelaskan juga jalan-jalannya iaitu dengan cara melalui jalan-jalan yang menjauhi riba dan keraguan. Dengan itu, sebarang unsur riba bukannya *masalah* atau kepentingan yang mesti didahulukan. Tujuan untuk menegakkan ekonomi umat Islam tidak menjadikan sesuatu sistem yang mempunyai unsur riba sebagai sistem Islam.

**(b) Kaedah *akhaffu al-dhararayn*.**

Sebahagian sarjana Islam mungkin berpegang kepada kaedah *akhaff al-dararayn* (yang paling kurang mudaratnya) apabila membenarkan transaksi upah simpan dalam skim *al-rahn* ini. Penulis akui bahawa skim ini kelihatan kurang kemudaratannya berbanding dengan sistem gadaian konvensional kerana beberapa faktor, iaitu:<sup>29</sup>

- i. Faktor pertama ialah penggunaan riba secara terang-terangan dalam sistem gadaian konvensional. Dalam skim *al-rahn*, ia digelar sesuatu yang *syubhah* (kesamaran). Ini berdasarkan keuntungan tidak diambil daripada pinjaman secara langsung sebaliknya mengambil manfaat daripada peminjaman dan penerimaan barang. Faedah tersebut terbit daripada kontrak baru yang diwujudkan iaitu kontrak upah simpan. Kontrak upah adalah satu kontrak yang wujud dan halal dalam perundangan Islam. Justeru walaupun keduanya ada kelemahan namun kelemahan sistem konvensional lebih besar kemudaratannya berdasarkan faktor ini.

- ii. Faktor kedua ialah penggadai dapat mengetahui dengan jelas kadar yang ia layak meminjam berdasarkan nilai barang kemasnya. Ianya berbeza jika dibandingkan dengan sistem konvensional yang memberikan kebebasan kepada tawar-menawar.
- iii. Faktor ketiga ialah skim *al-rah*n dapat meningkatkan ekonomi umat Islam kerana orang Islam yang membuka sesuatu sistem atau skim yang berkaitan dengan meletakkan nama Islam. Oleh yang demikian, pergantungan terhadap orang Islam dalam meminjam wang akan bertambah. Bahkan wujud lebih banyak institusi kewangan Islam yang mampu memberi kredit kepada umat Islam. Justeru faktor kedua dan ketiga ini juga membantu kepada pendapat bahawa membenarkan transaksi *al-rah*n ini lebih baik dan lebih kurang mudaratnya.

Namun begitu, asas sistem kewangan perlu berpegang kepada syariat yang tidak menghalalkan sesuatu yang nyata larangan dalam al-Quran dan al-sunnah iaitu riba. Usaha seharusnya dijuruskan kepada keutamaan membina sistem kewangan Islam yang tulen daripada membina satu sistem yang hanya hampir menyerupai sistem ekonomi Islam atau dilabelkan dengan nama Islam. Kalau benar sekalipun kaedah ini boleh digunakan, namun ia membicarakan antara dua perkara yang tidak mengikut syarak. Salah satu daripadanya kurang kemudaratannya. Pada waktu itu, dipilih pelaksanaan salah satu hukum dalam keadaan terdesak.

Namun, menjadikan salah satu perkara tersebut sebagai satu produk, atau satu jalan keluar yang tetap serta halal, adalah tidak bertepatan dengan hukum syarak. Kalau digunakan kaedah feqah "*akhaff al-dhararayn*" dalam menghalalkan sesuatu hukum atau mengislamkan sesuatu transaksi, ramai yang akan menggunakannya menurut hawa nafsu sebagai mana seseorang bernikah kontrak untuk tempoh tertentu mengambil pandangan syiah untuk mengelakkan daripada melakukan zina. Atau ramai yang melakukan onani untuk mengelakkan diri dari penzinaan sebagai mana disebut dalam kitab-kitab fekah.

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Penulis berpandangan bahawa skim *al-rahm* masih mengandungi unsur-unsur riba dalam transaksinya. Namun penulis tidak menafikan banyak kebaikan yang ada pada skim ini berbanding dengan transaksi konvensional. Oleh itu usaha ke arah menghilangkan syubhat riba perlu dilakukan dan masih berpeluang dilakukan terhadap skim tersebut. Berikut adalah beberapa cadangan untuk memperkukuh transaksi ini:

- i. Pemberian “pinjaman kebajikan” yang disandarkan dengan gadaian seharusnya menjadi tanggungjawab sosial pemerintah dan golongan jutawan bagi mengelakkan rakyat tersepit dalam sistem kewangan yang berkonsepkan riba.
- ii. Kajian juga boleh dilakukan sama ada bahagian orang berhutang dari asnaf penerima zakat yang berjumlah jutaan ringgit boleh digunakan untuk membina pusat-pusat *al-rahm*. Pada waktu itu ia tidak perlu mengambil upah simpan dan tidak berorientasikan keuntungan. Walaupun begitu, pusat-pusat tersebut dibenarkan meminta kos pengurusan hakiki daripada penggadai. Pusat-pusat tersebut juga boleh mendapatkan sumbangan daripada badan-badan korporat dan umat Islam yang diberikan potongan cukai pendapatan terhadap sebarang sumbangan bagi menutup kos pengurusan dan mengembangkan operasinya.
- iii. Dalam konteks skim ini, sekiranya skim *al-rahm* yang sebenarnya kontrak *at-tabarru'* mahu diteruskan sebagai satu kontrak yang boleh menguntungkan, perlu diwujudkan tiga pihak dalam kontrak tersebut iaitu pihak pertama ialah penggadai yang juga orang yang berhutang, pihak kedua iaitu penerima gadaian yang juga pemberi hutang dan pihak ketiga ialah penyimpan barang gadaian bagi pihak penerima gadaian. Dalam kontrak ini penggadai membayar kos penyimpanan yang dikenakan oleh pihak ketiga (penyimpan) kepada penerima gadaian. Pihak penyimpan boleh mendapatkan untung daripada upah simpan kerana ia tidak terlibat dengan pemberian hutang sebaliknya keuntungannya berpunca daripada kontrak upah simpan semata-mata. Kajian lebih terperinci perlu dilakukan untuk mewujudkan tiga pihak

tersebut bagi mengelakkan kewujudan tiga pihak bukan helah kepada pengambilan riba.

## NOTA AKHIR

<sup>1</sup> Pandangan yang diberikan oleh Prof. Dr. Irfan Abdul Hameed Fattah dalam diskusi ilmu terhadap topik ekonomi Islam yang dibentangkan oleh salah seorang pensyarah UIA pada akhir tahun 2000.

<sup>2</sup> al-Faruz Abadi, Majduddin Muhammad bin Ya'qub (1997). *al-Qamus al-Muhit*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi. Jld. 2. Hlm. 1570.

<sup>3</sup> Muhammad 'Ulaisy. (t.t.). *Manh al-Jalil*. Beirut: Dar Sadir. Jld.5. Hlm. 56,57. al-Dasuqi, Muhammad Ibn 'Arafah (t.t.). *Hasyiyah al-Dasuqi 'Ala al-Syarh al-Kabir*. Jld.3. Hlm. 231.

<sup>4</sup> *Gharar* pada bahasa Arab berasal dari kata perbuatan *gharra* bermakna memperdaya. Pada istilah ialah sesuatu yang tidak diketahui kewujudannya atau ketiadaannya; atau tidak diketahui jumlahnya sama ada sedikit atau banyak; atau sesuatu yang tidak mampu diserahkan ketika berkontrak. *Gharar* yang sedikit pada pandangan mazhab Malik ialah sesuatu ketidakpastian yang masyarakat memaafkannya. (Sila lihat: Sa'di Abu Jaib (t.t.). *al-Qamus al-Fiqhi*. Pakistan: Idarah al-Quran li al-Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tauzi'. Hlm.171).

<sup>5</sup> Al-Kawakibi, Muhammad Hassan Ahmad (1324H). *al-Fawaid al-Samiyyah fi Syarh al-Nuzum al-Musamma bi al-Faraid al-Sunniyyah*. Mesir: Al-Matba'ah al-Kubra al-Amiriyyah. Hlm. 107. al-Qadiri Muhammad Husain al-Hanafi. (t.t.). *Takmilah al-Bahr al-Raiq wa Kanz al-Daqaiq*. Pakistan: al-Maktabah al-Majidiyyah. Jld.8. Hlm. 232. Muhammad 'Ulaisy. (t.t.). Jld.5. Hlm. 56,57. al-Dasuqi. Jld.3. Hlm. 231. al-Syarbini, Muhammad al-Khatib. (t.t.). *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifah Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi. Jld.2. Hlm.121. al-Qalyubi, Ahmad Ahmad as-Salamah. (t.t.). *Hasyiyah al-Qalyubi 'Ala Syarh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr. Jld.2. Hlm. 261. Ibn Qudamah, Abdullah Ahmad (t.t.). *al-Mughni*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi. Jld.4. Hlm. 366.

<sup>6</sup> Mazhab Maliki, Syafie dan Hanbali.

<sup>7</sup> al-Qarafi, Ahmad Idris (1994). *al-Zakhirah*. Beirut: Dar al-Gharbi al-Islami. Jld.8. Hlm. 78. as-Syarbini (t.t.). Jld.2. Hlm. 121.

<sup>8</sup> Al-Kawakibi (1324H). Hlm. 109. al-Qadiri. (t.t.). Jld.8. Hlm. 231

<sup>9</sup> Qadi Zadah Afandi. *Takmilah Fath al-Qadir*. Jld. 1. Hlm. 101. al-Syarbini. *Mughni al-Muhtaj*. Jld. 2. Hlm. 136. Ibn Qudamah. *Al Mughni*. Jld. 4. Hlm. 436. al-San'ani. *al-Taj al-Madzhah*. Jld. 3. Hlm. 236.

<sup>10</sup> Qadhi Zadah Afandi (t.t.). *Takmilah Fath al-Qadir*. Jld. 1. Hlm. 101.

<sup>11</sup> al-Syirazi, Ibrahim Ali Yusoff al-Fairuz Abadi. 1995. *al-Muhadzdzab Fi Fiqh al-Imam al-Syafie*. Jld. 2. Hlm. 83, 84.

<sup>12</sup> Muhammad Uthman Syubayr (1996). *Masail al-Fiqh al-Muqaran*. Amman: Dar al-Nafais. . Hlm. 236.

- <sup>13</sup> al-Mawardi. *al-Hawi al-Kabir*. Jld. 6. Hlm. 245. al-Syarbini. *Mughni al-Muhtaj*. Jld. 2. Hlm. 121. Wahbah al-Zuhayly (1987). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Beirut: Dar al-Fikr. Jld. 5. Hlm. 257. al-Syafie Abd al-Rahman al-Saiyid 'Iwadh. 1978. *'Aqd Al-rahm*. Kاهره: Dar al-Ansar. Hlm. 129.
- <sup>14</sup> Ibn Hibban. *Sahih Ibn Hibban*. Beirut: Mu'assatu al-Risalah. Jld. 13. Hlm. 316, 317.
- <sup>15</sup> Itfish. *Syarh al-Nil Wa Syifa'u al-'Alil*. Jld. 11. Hlm. 220. al-Tusi. *al-Khilaf*. Jld. 2. Hlm. 100. Wahbah al-Zuhayly. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Jld. 5. Hlm. 257.
- <sup>16</sup> Ibn Qudamah. *al-Mughni*. Jld. 4. Hlm. 431. al-San'ani. *al-Taj al-Madzhab*. Jld. 3. Hlm. 238.
- <sup>17</sup>
- <sup>18</sup> Penulis juga mempunyai surat perjanjian pusat gadaian konvensional kepunyaan salah satu pusat gadaian konvensional di Kuantan, Pahang. Namun, pihak syarikat tidak mengizinkan disiarkan nama syarikat. (Sila lihat: Legal Research Board. Law of Malaysia. Act 81. Pawnbrokers Act 1972 (1994)).
- <sup>19</sup> Sila lihat: Muhammad Uthman Syubayr. Hlm. 258, 259.
- <sup>20</sup> Sila lihat: Ibid. Hlm. 222.
- <sup>21</sup> al-Syaukani, Muhammad Ali Muhammad (t.t.). *Nail Al-Autar*. Mesir: Syarikat Maktabah Wa Matba'ah Mustafa Wa Auladihi. Jld. 5. Hlm. 265.
- <sup>22</sup> Transaksi ini diambil dari perjanjian gadaian oleh Pusat *al-Rahm* milik Persatuan Pengguna Islam Pahang di Bandar Kuantan, Pahang pada pertengahan tahun 1999.
- <sup>23</sup> Qadi Zadah Afandi. *Takmilah Fath al-Qadir*. Jld. 1. Hlm. 150. Ibn al-Rusyd al-Hafid. *Syarh Bidayah al-Mujtahid*. Jld. 4. Hlm. 1914. An-Nawawi. *Raudah al-Talibin*. Jld. 4. Hlm. 99. Ibn Qudamah. *al-Mughni*. Jld. 4. Hlm. 436. Al-San'ani. *al-Taj al-Madzhab*. Jld. 1. Hlm. 150. al-Syaukani. (t.t.). *Nail al-Autar*. Jld. 5. Hlm. 264.
- <sup>24</sup> Ibn al-Rusyd al-Hafid. *Syarh Bidayah al-Mujtahid*. Jld. 4. Hlm. 1914. Ibn Qudamah. *al-Mughni*. Jld. 4. Hlm. 436.
- <sup>25</sup> Ibn Hazam. *al-Muhalla*. Jld. 8. Hlm. 89.
- <sup>26</sup> al-Jauziyyah, Muhammad Abi Bakar Qaiyim (1991). *A'lam al-Muwaqqi'in*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Jld. 2. Hlm. 18.
- <sup>27</sup> al-Hasani, Ismail (1995). *Nazariyyah al-Maqasid 'inda al-Imam Muhammad al-Thohir bin 'Asyur*. Virginia: International Institute of Islamic Thought. Hlm. 115, 116.
- <sup>28</sup> Al-Buti, Muhammad Said Ramadan (1982). *Dawabit al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah. Hlm. 129-151.
- <sup>29</sup> Faktor-faktor tersebut sebahagiannya disebut oleh Nor Mohamed Yacop (1996). Teori, amalan dan prospek system kewangan Islam di Malaysia. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Hlm. ix-xiii.

## BIBLIOGRAFI

Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan (1982). *Dawabit al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah. Al-Dasuqi, Muhammad Ibn 'Arafah (t.t.). *Hasyiyah al-Dasuqi 'Ala al-Syarh al-Kabir*.



- Al-Faruz Abadi, Majduddin Muhammad bin Ya'qub (1997). *al-Qamus al-Muhit*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Hasani, Ismail (1995). *Nazariyyah al-Maqasid 'inda al-Imam Muhammad al-Tahir bin 'Asyur*. Virginia: International Institute of Islamic Thought.
- Al-Jauziyyah, Muhammad Abu Bakar Qaiyim (1991). *A'lam al-Muwaqqi'in*. Beirut: Dar al-Kutub Al-'Ilmiyyah. Jld. 2. Hlm. 18.
- Al-Kawakibi, Muhammad Hassan Ahmad (1324H). *al-Fawaid al-Samiyyah fi Syarh al-Nuzum al-Musamma bi al-Faraid al-Sunniyyah*. Mesir: Al-Matba'ah al-Kubra al-Amiriyyah.
- Al-Qadiri Muhammad Husain al-Hanafi (t.t.). *Takmilah al-Bahr al-Raiq wa Kanz al-Daqaiq*. Pakistan: al-Maktabah al-Majidiyyah.
- Al-Qalyubi, Ahmad Ahmad al-Salamah (t.t.). *Hasyiyah Al-Qalyubi 'Ala Syarh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qarafi, Ahmad Idris (1994). *al-Zakhirah*. Beirut: Dar al-Gharbi al-Islami.
- Al-Syafie Abdu al-Rahman al-Saiyid 'Iwadh (1978). *'Aqd Al-rahm*. Kaherah: Dar al-Ansar.
- Al-Syarbini, Muhammad al-Khatib (t.t.). *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifah Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Syaukani, Muhammad Ali Muhammad (t.t.). *Nail al-Autar*. Mesir: Syarikat Maktabah Wa Matba'ah Mustafa Wa Auladihi.
- Al-Syirazi, Ibrahim Ali Yusoff al-Fairuz Abadi (1995). *al-Muhadzdzab Fi Fiqh al-Imam al-Syafie*.
- Ibn Hibban (t.t.). *Sahih Ibni Hibban*. Beirut: Mu'assah al-Risalah.
- Ibn Qudamah, Abdullah Ahmad (t.t.). *al-Mughni*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi. Jld.4.
- Muhammad 'Ulaisy (t.t.). *Manh al-Jalil*. Beirut: Dar Sadir.

Muhammad Uthman Syubayr (1996). *Masail al-Fiqh al-Muqaran*. Amman: Dar al-Nafais.

Nor Mohamed Yacop (1996). *Teori, amalan dan prospek system kewangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Hlm. ix-xiii.

Sa'di Abu Jib (t.t.). *al-Qamus al-Fiqhi*. Pakistan: Idarah al-Quran li at-Tiba'ah wa al-Nasyr wa at-Tauzi'.